

Source: Berita Harian, p10
Date: 25 August 2018

*Majlis Anugerah Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) diperkenalkan pada 2008 untuk mengiktiraf pencapaian para mahasiswa dan siswazah Universiti Nasional Singapura (NUS). Anugerah yang akan diberikan bukan sahaja mengiktiraf mereka yang cemerlang dari aspek akademik, tetapi juga aspek kepimpinan. Hari ini, sekitar 240 penerima anugerah akan diiktiraf di majlis tersebut yang diadakan di NUS. Wartawan **NUR HUMAIRA SAJAT** (nhumaira@sph.com.sg) memaparkan dua individu berinspirasi yang merupakan antara penerima anugerah tersebut.*



MENGUASAI BAHASA KETIGA: Cik Tan Yi Xuan mahasiswa paling cemerlang dalam bahasa Melayu dan telah menerima Hadiah Bahasa Melayu CLS.

Siswi Cina tekad kuasai bahasa Melayu

SETIAP guru mahu lakukan yang terbaik buat anak muridnya. Walau pun ini bermakna beliau perlu keluar daripada zon keselesaannya.

Bagi Cik Tan Yi Xuan, bahasa Melayu bukan bahasa ibundanya. Namun, semata-mata ingin anak murid kelas tuisyen beliau lebih memahami apa yang dipelajari, beliau sanggup mengajar subjek Matematik dalam bahasa Melayu.

Mujun mahasiswa tahun keempat di Universiti Nasional Singapura (NUS) itu pernah mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di bangku sekolah menengah dahulu.

“Sebenarnya saya sendiri tidak yakin dengan penggunaan bahasa saya.

“Tetapi mereka memberi saya lebih perhatian setelah saya berbicara dengan mereka dalam bahasa yang mereka lebih selesa gunakan,” kata Cik Tan yang mengajar tuisyen itu di bawah program yang membantu pelajar yang datang daripada keluarga kurang berkemampuan.

Belia berumur 22 tahun itu berkata peristiwa bersama murid-murid darjah satu dan dua beliau membuka matanya kepada kepentingan menguasai bahasa ketiga.

Waktu itu, beliau masih pelajar tahun pertama di NUS.

Oleh itu, ia menjadi salah satu perangkap semangatnya untuk mempelajari semula bahasa Melayu.

“Tambahan, saya pernah mempelajari bahasa Melayu empat tahun sebelumnya. Kalau tidak diteruskan, sayang,” tambah pelajar jurusan Geografi itu.

Sejak tahun keduanya di NUS, Cik Tan telah mengambil Bahasa Melayu yang ditawarkan Pusat Pengajaran Bahasa (CLS).

Menurut Cik Tan, ia tidak terlalu sukar bagi beliau menguasai bahasa itu semula kerana sudah ada asas.

Disebabkan beliau cemerlang dalam mata pelajaran tersebut, Cik Tan menerima Hadiah Bahasa Melayu CLS yang disampaikan sempena Majlis Anugerah Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) yang dijadual berlangsung hari ini.

Hadiah buku bernilai \$300 ini dianggerahkan kepada mahasiswa yang paling cemerlang dalam Bahasa Melayu.

Meskipun berbangsa Cina, Cik Tan mempunyai penggunaan bahasa Melayu yang baik.

Oleh kerana tidak mempunyai ramai rakan Melayu beliau perlu rajin mengamalkan bahasa tersebut secara sendiri di luar darjah.

“Saya juga sanggup menukar tetapan bahasa telefon saya ke Bahasa Melayu!” ujarnya.

Beliau yang kini sudah tamat peringkat 5 bagi modul bahasa Melayu di NUS, berhasrat untuk mengambil peringkat 6 yang merupakan peringkat tertinggi yang ditawarkan.

Namun Cik Tan akur bahawa masih banyak lagi yang perlu beliau pelajari.

“Apa yang saya pelajari adalah bahasa Melayu baku. Tetapi apabila saya buka Facebook dan baca komen-komen orang, mereka menggunakan bahasa pasar...

“Jadi cabarannya adalah untuk memahami bahasa pasar berdasarkan ilmu bahasa baku yang saya pelajari,” ujarnya.

Bagi beliau, mempunyai penggunaan bahasa ketiga akan memberi beliau kelebihan tatkala menjalankan kakitangan kerja.

Oleh itu, beliau berkata perlu baginya untuk terus praktikkan bahasa Melayu.

“Saya perlu mendisiplinkan diri... “Baca suratkhabar Melayu, tonton berita Melayu dan teruskan hubungan saya dengan bahasa ini,” ujarnya positif.

Mahu selami budaya, isu sosial Melayu

CINTANYA terhadap bahasa Melayu tersemat dalam diri sejak dia bangku sekolah rendah lagi.

Tetapi, mengenali bahasa sahaja tidak memadai baginya. Beliau mahu selami budaya.

Disebabkan semangat inilah, Cik Nurshirah Tabrani terdorong untuk mengambil pengajian Melayu apabila menjalankan kakitangan kerja.

Kini, mahasiswa tahun keempat di Universiti Nasional Singapura (NUS) ini merupakan penerima Hadiah dan Pingat Berita Harian/Berita Minggu kerana telah menjadi pelajar tahun ketiga paling cemerlang dalam kursus Pengajaran Melayu.

Ia merupakan antara anugerah yang disampaikan di Majlis Anugerah Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) hari ini.

“Saya bersyukur telah meraih anugerah ini.

“Ini memberi saya lebih keyakinan untuk mempertingkat diri saya dan meneruskan apa yang saya ingin capai dalam bidang akademik,” ujarnya.

ya yang menerima pingat emas dan hadiah wang tunai sebanyak \$600.

Tidak hairanlah gadis berumur 22 tahun itu cemerlang dalam bidang yang dipilihnya kerana semangat untuk mendalamai isu sosial berkaitan dengan masyarakat Melayu lahir sejak dia bangku sekolah menengah.

Beliau mahu menganalisis stereotip yang sering dikaitkan dengan masyarakat Melayu kerana pernah ditegur beliau ketika sedang gigih belajar.

Rakannya itu bertanya mengapa beliau tidak ‘lepak’ sahaja.

“Mengapa pelajar Melayu sering kali digambarkan sebagai hanya suka berlepak?

Bukankah aktiviti berlepak juga boleh diperhatikan dalam kehidupan harian bangsa lain? Mengapa gambaran atau stereotip ini dikenakan pada masyarakat Melayu sahaja?” ujarnya.

Itu merupakan antara peristiwa yang dilalui Cik Nurshirah yang menjadi pembakar semangatnya untuk mendalamai isu sosial yang membengku masyarakat Melayu.

“Ini memberi saya lebih keyakinan untuk mempertingkat diri saya dan meneruskan apa yang saya ingin capai dalam bidang akademik,” ujarnya.

“Sebelum ini saya hanya mampu memerhati masalah sosial yang dihadapi masyarakat Melayu Singapura,” ujarnya yang pernah mengambil Bahasa dan Sastera Melayu sebagai salah satu subjek di Maktab Rendah Tampines.

Setelah menjalani modul yang ditawarkan Pengajaran Melayu, beliau lebih memahami budaya, sejarah, politik dan sebagainya berkaitan dengan masyarakat Melayu.

Di samping itu, Cik Nurshirah ber�ata ia memberi beliau peluang untuk memikirkan jalan penyelesaian yang mungkin dapat memperbaiki keadaan.

“Secara tidak langsung juga saya dapat berkhidmat kepada masyarakat Melayu,” tambahnya.

Beliau yang terlibat dalam Persatuan Pengajaran Melayu itu berkata antara kegiatan yang dianjurkan bagi beliau secara umum adalah *Canvass Series* di mana mereka menjemput penceramah untuk berbincang-topik semasa seperti isu minoriti.

Meskipun akur bahawa masalah sosial sesuatu yang rumit dan tidak mudah untuk dihapuskan, Cik Nurshirah berkata yang lebih penting adalah untuk membuka minda orang ramai untuk menerima pandangan alternatif apabila berhadapan dengan isu sosial.

Setelah tamat pengajaran, anak bongsu ini bercita-cita untuk melibatkan diri dalam bidang kajian khususnya berkaitan masyarakat Melayu.

“Saya mahu meningkatkan kesedaran tentang isu sosial, serta menyumbang lebih ilmu pengetahuan pakar yang boleh mempengaruhi dan membentuk dasar nasional,” ujarnya.



PELAJAR CEMERLANG: Cik Nurshirah Tabrani merupakan penerima Hadiah dan Pingat Berita Harian/Berita Minggu kerana telah menjadi pelajar tahun ketiga paling cemerlang dalam kursus Pengajaran Melayu. – Foto-foto BH oleh LEE JIA WEN